HAYY IBN YAQZAN

"Hayy Bin Yaqzan" sebuah cerita yang berdasarkan falsafah, buah qalam "Ibnu Tufayl", ahli falsafah Islam yang terkenal. Cerita ini telah diterjemahkan ke Bahasa Latin oleh "Edward Pococke" dan diterbitkan pada tahun 1671 dengan nama "Philiosophos Autodidactus." "Hayy ibn Yaqzan" ini ialah suatu percubaan bagi memashurkan falsafah dan dialah juga menjadi perintis jalan yang telah menimbulkan riwayat "Rubinism Krusu."

FALSAFAH DAN ORANG AWAM.

Falsafah amatlah sukarnya memasuki dunia bacaan rakyat umum. Dengan pelbagai macam masalah dan istilahnya yang kerapkali susah difaham dan hambar dibaca. Susah sekali memikat hati pembaca awam. Tidak hairan kalau seorang filsuf seperti Ibnu al-Hisyam (430 H.) menutup salah satu kitab falsafahnya dengan berkata:

"Saya tidak menghadapkan kata-kata saya ini kepada semua manusia. Akan tetapi kepada tiap-tiap seorang dari mereka, yang harganya sama dengan ribuan, bahkan puluh ribu. Oleh kerana tidak banyak manusia yang sampai kepada hak (kebenaran) yang halus dan tajam di antara mereka!"

Sungguhpun demikian, falsafah itu bukanlah semestinya tetap menjadi milik yang dibolot oleh "cabang atas" sahaja. Dalam masa orang bertanya kepada seorang ahli falsafah Yunani: "Apakah faedahnya falsafah itu?" Lalu dijawab olehnya: "Supaya jangan ada satu batu bertenggek di atas batu yang lain."

Maksudnya ialah apabila seorang duduk di atas batu tembok sebagaimana yang lazim pada zaman itu ketika orang menonton permainan di gelanggang permainan, si penonton itu jangan sama pula darjatnya dengan batu yang ia duduki.

Kalau si awam tidak sampai kepada falsafah, maka ahli falsafah berkewajipan mencari ikhtiar supaya falsafah dapat memasuki alam fikiran mereka, menurut kadar dan cara yang sepadan dengan tingkatan akal mereka supaya dapat pula merasa kelazatan hikmah-hikmah itu.

Oleh yang demikian maka "Ibnu Tufayl" lah yang mendapat kehormatan sebagai ahli falsafah Islam yang mula-mula menujukan langkahnya kejurusan ini, dengan hasil yang baik.

Ibnu Tufayl, salah seorang bintang falsafah dari kalangan Muslimin negeri Sepanyol dalam kurun yang kedua belas. Rupanya dia tahu benar di mana letaknya rahsia kegemaran pembaca-pembaca umum. (Ibnu Tufayl juga telah membukakan pintu istana Amir Yusuf Abi Yaakob bin

Abdul Mukmin, untuk Ibnu Rushd).

Ia mengerti, bahawa dalam perpustakaan rakyat umum adalah satu rukun yang tak boleh tidak mestilah ada, iaitu yang dinamakan orang "Kisah-kisah Pengalaman Yang Luar Dari Biasa", yang dapat membangkitkan perasaan. Umpamanya sebahagian yang ada dalam cerita-cerita seribu satu malam, Abu Nawas dan lain-lain yang tidak sahaja telah menjadi bacaan rakyat umum, tetapi telah menjadi sebahagian dari perpustakaan dunia.

Itulah rupanya yang dituju oleh Ibnu Tufayl dengan cerita falsafahnya yang bernama "Hayy ibn Yaqzan" (si hidup anak si sedar) yang diakui sebagai salah sebuah kitab yang "sangat ajaib dalam kurun pertengahan". (Sebagaimana yang disebutkan oleh Cara de Vu).

Cara inipun telah mendapat pengikut di antara penulis-penulis bangsa Eropah seperti penulis cerita "Robinson Crusoe", "Galibar" dan lain-lainnya.

Marilah kita dengar sedikit ringkasan dari cerita yang ajaib ini:

"Arakian, adalah menurut cerita orang tua-tua kita dahulu kala", demikianlah Ibnu Tufayl memulai ceritanya, "Di daerah tanah India, di bawah khatalustiwa, sebuah pulau yang didiami oleh manusia yang zahir tidak berbapa dan tidak beribu.

Hal yang demikian itu harus berlaku kerana udara di pulau itu udara yang nyaman dan amat bersih di dunia ini, oleh kerana mendapat cahaya dari lapangan langit yang amat tinggi.

Ada orang yang berkata, bahawa "Hayy ibn Yaqzan" ialah salah seorang dari manusia yang demikian itu.

Akan tetapi ada pula orang yang berpendapat bahawa berhampiran dengan pulau itu, ada lagi sebuah pulau yang amat ramai penduduknya. Pulau ini diperintahi oleh seorang raja yang amat sombong dan cemburu, ia mempunyai seorang saudara perempuan yang selalu dihalangi oleh raja ketika hendak bersuami, kerana menurut pendapat raja belumlah ada di antara mereka yang meminang yang sujud dengan saudara perempuannya itu.

Walaupun demikian, saudara raja tersebut dapat juga kahwin rahsia dengan seorang peladang yang dicintainya, menurut peraturan agama yang berlaku di negeri itu.

Pada saat yang baik, dapatlah kedua suami isteri itu seorang anak lelaki yang mereka namakan "Hayy ibn Yakzan".

Akan tetapi alangkah sedihnya, perasaan sukacita si ibu dan si bapa telah bertukar menjadi dukacita kerana keduanya terpaksa bercerai dengan anak mereka yang baharu zahir itu, kerana menyembunyikan perkahwinan mereka yang tidak disukai oleh raja yang angkara murka itu.

Hayy ibn Yaqzan dimasukkan ke dalam sebuah peti bertutup mati. Diiringi oleh khadam-khadam dan sahabat handai yang setia, pergilah si ibu membawa si jantung hatinya pada malam yang gelap gelita ke tepi pantai. Di sinilah ia bercerai dengan anaknya yang disayangi untuk selama-lamanya. Dengan hati yang remuk redam dan air mata yang bercucuran diletakkannya peti kecil itu di tepi laut serta berdoa ke hadrat Illahi: "Ya Tuhanku, Engkaulah yang menjadikan kanak-kanak ini ketika ia belum ada, Engkau telah peliharakan dia semasa dia dalam kandunganku dan telah Engkau peliharakan dia dari mula zahir sampai saat ini.

Maka sekarang, kuserahkanlah anakku ini kepada belas kasihanMu, Ya Tuhanku, kerana takut kepada raja yang zalim itu; janganlah ia Engkau tinggalkan, Ya Arham

Al-Rahimin!”

Setelah itu datanglah pasang naik yang biasanya meliputi panti itu setahun sekali. Peti yang berisi kanak-kanak itu dibawa oleh aluan, terapung-apung beberapa lama dilautan besar, tertutup oleh ranting-ranting dan daun-daun kayu, terlindung dari hujan dan panas matahari. Setelah pasang mulai surut terkandaslah peti itu disebuah pulau lain yang tidak didiami manusia. Peti itu telah pecah kulitnya kerana dipukul oleh ombak ketika dia tiba di pantai dan rengganglah kayu-kayunya. Maka terdengarlah tangisan Hayy ibn Yaqzan yang sedang lapar dan kesejukkan. Suaranya telah kedengaran sayup-sayup bunyinya kepada seekor kambing yang kebetulah baharu sahaja kehilangan anak. Kambing itu menyangka bahawa anaknyalah yang memanggil-manggil, iapun berlari menuju suara itu, lalu didapati sebuah peti yang hampir pecah. Setelah ditanduknya beberapa kali, peti itu pun terbelah dua, lalu dilihatnya seorang kanak-kanak sedang menangis. Maka kambing hutan itu merasa kasihan lalu disusukannya dan dipeliharanya, ganti anaknya sendiri yang telah hilang . . .!”

Demikianlah Ibnu Tufayl memulai ceritanya yang berdasarkan falsafah dan bersulam dengan syair dan kata-kata yang bersajak yang membuka selera pembacanya; maklum, falsafah jatuh ke tangan seorang ahli syair.

Sedang pembacanya asyik menurutkan nasib Hayy ibn Yaqzan, dari selangkah keselangkah disulamkannya sambil lalu satu huraian ilmu alam tentang teori perkembangan keturunan makhluk, dihubungkannya dengan masalah asal usulnya Hayy ibn Yaqzan pada awal cerita, yakni tentang bolehkah atau tidaknya timbul satu angkatan baharu dari tumbuh-tumbuhan, haiwan ataupun manusia dengan tiba-tiba, tidak menurut cara keturunan sebagaimana biasa.

Begitulah seterusnya cerita ini menarik pembacanya mengikuti untung nasib Hayy Bin Yaqzan dari kecil menjadi muda remaja sampai berumur lanjut, berfaham masak berkat penglihatannya yang jernih, pendengarannya yang nyaring, perasaan dan akalnya yang tajam, dapatlah Hayy ibn Yaqzan dengan pengalaman sendiri berjenis-jenis ilmu: berburu, bercucuk tanam, bertenun dan lain-lain. Tiap-tiap kepandaian dan pendapat baharu itu diiringi oleh bermacam-macam pemandangan falsafal dalam cerita itu.

“Amatlah duka hati Hayy ibn Yaqzan apabila kambing yang menyusukannya pada masa kecil itu jatuh sakit. Dicubanya memeriksa, apakah gerangan yang menyebabkan sakit itu. Setelah kambing hutan iu mati, diperiksanyalah kalau-kalau penyakit yang menyebabkan maut dapat dilihat dalam dada binatang itu.

Dibelahnya dada kambing itu dengan batu yang telah diasahnya hingga tajam, diselidikinya bentuk dan susunan jantungnya.

Timbullah perasaannya, bahawa adalah sesuatu yang telah meninggalkan badan binatang itu, iaitu sesuatu yang tidak bersifat kebendaan tetapi bersifat lebih halus dari itu, yakni “ruhani” yang apabila berhubung dengan badan “jasmani” menjadikan satu haiwan yang hidup . . .”

Ibnu Tufayl membahagikan ceritanya kepada beberapa bahagian menurut tingkat ilmu pengetahuan yang didapati oleh Hayy ibn Yaqzan dengan beransur-ansur.

Fasal yang pertama, menerangkan betapa ia dapat mengetahui bahawa tiap-tiap yang “baharu” itu, tak dapat tiada berkehendak kepada yang “membaharukan” atau “mengadakannya”.

Bahawa tiap-tiap bentuk atau rupa yang ada pada suatu barang, pada hakikatnya tidak lain melainkan suatu

(Sambungannya pada muka 37)

Hayy Bin Yaqzan

Sambungan dari muka 13

"persediaan" yang ada pada barang itu.

Misalnya air yang sedia menjadi isi sebuah bejana, akan berubah bentuknya menjadi wap yang dapat bergerak apabila dipanaskan. Demikianlah tiap-tiap benda itu dapat berubah-ubah, maka keadaan sesuatu macam perubahan atau pergerakan itu, adalah tertentu pula, dan tidak dengan perubahan yang lain dari itu. Yang demikian adalah disebabkan persediaan (isti'adad) yang telah diberikan kepada masing-masing benda itu. Dari sini ia mendapat kenyataan, bahawa perubahan atau pergerakan, ataupun "bentuk" dari salah satu benda, pada hakikatnya "bukanlah kepunyaan benda itu sendiri", melainkan kepunyaan satu fa'il (pembuat) yang menjadikan benda itu berubah atau "berbuat". menurut persediaan yang telah diberikan kepada masing-masing benda itu.

Di sini sampailah "Hayy ibn Yaqzan" kepada makna: "maka bukanlah kamu yang membunuh mereka, tetapi Allah lah yang membunuh mereka; dan tidaklah engkau yang memanah, ketika kamu memanah, tetapi Allah lah yang memanah". (71, al-Anfāl).

Wajib al-Wujud

Dengan tidak berhentinya "Hayy ibn Yaqzan" memerhatikan dan menyelidiki alam kelilingnya: alam kebendaan, alam tumbuh-tumbuhan dan alam haiwan. Ditujukannya perhatiannya kepada langit yang bertaburan dengan bintang yang tidak terbilang, kepada matahari dan bulan yang beredar menurutkan undang-undang yang tertentu.Ditujukannya pandangannya kepada badannya sendiri yang penuh berisi keindahan dan rahsia-rahsia yang mengajubkan . . . !

Maka sampailah Hayy ibn Yaqzan kepada keyakinan bahawa semua itu menjadi "bukti" yang tak dapat diingkari akan adanya Tuhan yang menjadikan sekalian alam itu, yang dinamakan: "al-Wajib al-Wujud" Subḥānahu wa Ta'ala.

Bertemu Dengan Asal

Setelah berumur 35 tahun, baharulah Hayy ibn Yaqzan berjumpa dengan manusia, iaitu seorang alim bernama "Aṣal". yang telah mengasingkan diri kerana kesal melihat keadaan kaumnya yang mengaku beragama Islam, tetapi pada hakikatnya jauh daripada itu, bodoh dan jumud (baku) dalam pengertian agama dan rendah hawa nafsu mereka serta tenggelam dalam lembah kebendaan.

Setelah Hayy ibn Yaqzan bergaul sedikit masa dengan alim ini, dapatlah dia mengerti dan memakai bahasa "Aṣal" (yakni bahasa orang alim yang bernama "Aṣal" itu). Maka bercakap-cakap dan bertukar fikiranlah ahli akal dan ahli agama ini. Ternyatalah bahawa keduanya satu faham dan satu tujuan, tidak bertentangan pendapat mereka.

Terbitlah keinginan Hayy ibn Yaqzan hendak pergi bersama-sama dengan "Aṣal" ke dalam masyarakat hidup manusia, untuk mencuba-cuba memberi penerangan kepada mereka.

Sungguhpun "Aṣal" tidak yakin akan hasil pekerjaan yang dirancangkan oleh Hayy ibn Yaqzan, kerana mengingat pengalamannya sendiri pada masa yang sudah-sudah, tetapi diterimanya jugalah ajaran sahabatnya itu dan pergilah mereka berdua ke negeri "Aṣal".

Dengan digerakkan oleh cita-cita yang tinggi, mulailah Hayy ibn Yaqzan bekerja memimpin manusia kejalan yang hak.

Akan tetapi alangkah kecewanya setelah dia melihat manusia tidak mahu mendengar seruannya sedikit juapun.

"Harta benda yang mereka kejar telah menutup hati mereka, seperti kerat menutup besi."

Di sinilah ahli akal ini menjadi takjub mengingat akan pekerjaan Nabi Muḥammad (SAW) yang datang menyampaikan

firman Allah Subhānahu wa Ta'ala kepada manusia dan dapat diterima oleh segenap lapisan umat.

Setelah keduanya putus asa, maka meminta dirilah keduanya kepada raja, hendak balik ke pulaunya, mengasingkan diri kembali dari masyarakat hidup, untuk beribadat kepada Allah.

Alangkah halusnya tamsil yang digunakan oleh Ibnu Tufayl, menggambarkan kepada pembaca bahawa " kepercayaan kepada Tuhan" itu, ialah suatu bahagian dari "fitrah" (kejadian semula jadi) manusia yang tak dapat disangkal dan bahawa "akal yang sihat", tak dapat tidak tentu akan sampai kepada pengakuan "adanya" dan akan tunduk kepada "Wajib al-Wujud" 'Azzā wa Jallā itu, cukup dengan memperhatikan alam sekelilingnya sahaja.

"Tidakkah mahu mereka melihat kepada unta, bagaimana ia dijadikan; dan kepada langit, bagaimana ia ditinggikan; dan kepada gunung, bagaimana ia didirikan; dan kepada bumi, bagaimana ia dihampirkan. Maka beri ingatlah kepada manusia (wahai Muḥammad), engkau adalah seorang pemberi ingat". (17 -21, al-Ghāshiyah)

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan peredaran malam dan siang itu ada beberapa tanda bagi orang-orang yang berakal." (190, Āli 'Imrān).

Dalam pada itu, diperlihatkan pula, bagaiman "semata-mata" akal yang sifat sahaja, yang ditamsilkan dengan diri Hayy ibn Yaqzan "belum cukup" untuk mengetahui adanya Tuhan dengan sifat-sifatnya, masih belum cukup untuk "mengatur" satu susunan cara pergaulan terhadap kepada semua manusia dan cara beribadat kepada Allah 'Azzā wa Jallā, yang dapat diterima dan dijalankan oleh segala golongan manusia.

Sebaliknya, diperlihatkan pula bagaiman besar bahayanya apabila agama itu sudah dijadikan orang sebagai gerakan bibir semata-mata, ketika orang yang mengaku Islam sudah masuk kejurang kejahilan dan "*ḥubb al-dhāt*". (Mengutamakan kebendaan) dan sudah tidak mengerti akan isi dan tujuan peraturan-peraturan agama itu.

"Hayy ibn Yaqzan" ('akal) berjabat tangan dengan "Aṣal" (agama) sebagai memberi tamsilnya akan sabda Rasulullah (SAW): "Agama itu ialah akal; tidak ada agama bagi seseorang yang tidak berakal." (al-hadis).

Hayy ibn Yaqzan dan Aṣal mengundurkan diri dari masyarakat di Huriyyin (masyarakat manusia yang hanya memuja masa semata-mata dan tidak percaya akan adanya Tuhan P.) Itu! Tidakkah ini bermakna sendirian dan peringatan terhadap kebanyakan orang yang memegang kekuasaan negeri pada masa itu, iaitu betapa akibahnya kelak apabila ahli agama dan ahli hikmah (falsafah) tidak dipedulikan, dan diabaikan sahaja pekerjaan mereka, akhirnya (perbuatan itu) mendatangkan kerugian dan kerosakan kepada masyarakat hidup.

Sekianlah sedikit petikan dari taman falsafah kaum Muslimin dan zaman keemasan itu, yang sampai sekarang meninggalkan bekas dalam aliran perpustakaan barat dan mempunyai sifat tersendiri dalam perpustakaan falsafah.

Dikemukakan sekadar memanggil minat dan perhatian pemuda Islam, angkatan baharu!

(Pati buah qalam Tuan Haji Muhammad Nasir, ketua umum Masyumi).